

17 AUG 2004

TAR-Penghargaan

DR LING DIANUGERAHKAN "BAPA PEMBANGUNAN KOLEJ TAR"

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) hari ini menganugerahkan bekas Pengerusi Majlisnya, Tun Dr Ling Liong Sik sebagai "Bapa Pembangunan Kolej TAR" bagi mengiktiraf dan menghargai peranan dan sumbangan beliau terhadap pembangunan kolej itu.

Beliau menerima penghargaan itu pada majlis yang dianjurkan kolej itu untuk beliau di kampus induknya di sini.

Pada majlis itu, satu buku bergambar bertajuk "The Golden Years of Tun Dr Ling Liong Sik" yang memaparkan pencapaian Dr Ling dilancarkan oleh Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Chan Kong Choy yang juga Menteri Pengangkutan, isteri Dr Ling, Toh Puan Ena Ling, Pemegang Amanah Kolej TAR Datuk Tan Cheng Swee, Menteri Kesihatan Datuk Dr Chua Soi Lek dan anggota Majlis Kolej TAR.

Selain itu, Ong juga mengumumkan bahawa sebagai mengenang lagi jasa beliau, sebuah bangunan di kampus itu dinamakan sempena nama Dr Ling.

"Bangunan moden ini, yang telah dirancang, akan menempatkan pusat Pentadbiran Maklumat, Komunikasi dan Teknologi kolej itu yang akan diberi nama "Pusat Siber Tun Dr Ling Liong Sik," kata Ong dalam ucapannya.

Beliau berkata pusat itu akan menjadi mercu tanda kolej itu yang akan berfungsi sebagai testimoni terhadap pembangunan dan pemodenan kolej berkenaan sebagai institusi pengajian tinggi ulung.

Ong juga mengenang kembali perkara yang dilakukan oleh Dr Ling terhadap pembangunan kolej itu yang tidak diketahui ramai dengan mengadakan banyak perbincangan dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan pemilik tanah sehingga kolej itu apa yang dilihat hari ini.

"Melalui banyak perbincangan dan desakan serta semangat baik Barisan Nasional, Kolej TAR mencapai apa yang dilihat hari ini," kata beliau.

Katanya kejayaan Kolej TAR, sejak Dr Ling mengambilalih pengerusi Majlis kolej itu pada 1986 yang kini menampung 30,000 pelajar dan enam buah kampus cawangan, telah membawa kepada penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman.

Pengetua Kolej TAR, Yoong Lai Thye dalam ucapannya pula berkata, di bawah kepimpinan Dr Ling, kolej itu mencipta beberapa kejayaan yang telah menjadikannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang ulung yang diiktiraf dalam dan luar negara.

"Dengan kepimpinan yang dinamik serta komitmen anda, jelas dilihat dalam pertumbuhan dan kejayaan kolej itu yang dinikmati hari ini. Idea wawasan anda dan pendekatan yang inovatif yang diingati buat selama-lamanya sebagai satu pemangkin yang telah menjadikan Kolej TAR berjaya.

"Terima kasih Tun, dan kita menyanjung Yang Amat Berbahagia Tun Dr Ling Liong Sik, sebagai "Bapa Pembangunan Kolej TAR," kata beliau di hadapan kira-kira 2,000 hadirin termasuk pelajar yang memberikan penghormatan secara berdiri bagi Dr Ling.

Terima kasih di atas semua perkataan yang baik dan sentimen, Dr Ling dalam ucapannya berkata kejayaan itu diperolehinya hasil kerjasama dan sokongan semua dalam melaksanakan projek kolej itu.

Dr Ling menganggap dirinya sebagai seorang yang bernasib baik kerana diberikan kebebasan terhadap apa yang beliau hendak lakukan dan mendapat sokongan daripada mereka yang berdiri teguh di belakangnya dalam setiap projek yang dilaksanakan.

Katanya beliau gembira kerana kolej itu di bawah kepimpinan yang baik

yang akan terus mencapai kejayaan cemerlang untuk institusi berkenaan.

-- BERNAMA

HS AFY BK